
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

EUP 213/2 – Perakaunan Pengurusan

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. Soalan **No. 1 wajib** dijawab dan jawab mana-mana **EMPAT (4)** soalan yang lain.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

Soalan No. 1 wajib dijawab

1. Syarikat Pengeluaran Espano yang baru mula beroperasi telah mencatat kerugian sebanyak RM 16 000 untuk tahun kewangan pertamanya. Sebagai salah seorang pekerjanya, anda tidak berpuas hati dengan maklumat kerugian tersebut. Anda juga telah diminta oleh pihak pengurusan syarikat untuk membantu menyediakan belanjawan atau bajet untuk tahun-tahun akan datang. Dan pengetahuan yang anda ada, bajet boleh menolong kita mengawal kerugian syarikat. Oleh yang demikian:
 - a. nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan bajet dan berikan tiga kegunaan utama bajet untuk sesebuah syarikat;
 - b. huraikan jenis-jenis bajet yang boleh digunakan oleh syarikat anda; dan
 - c. jelaskan maksud Bajet Boleh Ubah/Bajet Fleksibel dan berikan tiga kelebihan penggunaannya.

(20 markah)

2. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan operasi Syarikat Heizo untuk tahun 2003 dan 2004:

	2003	2004
Inventori awal	Tiada	4 000 unit
Pengeluaran	22 000 unit	25 000 unit
Jualan	18 000 unit	21 000 unit
Inventori akhir	4 000 unit	8 000 unit

Kos kilang sebenar:	2003	2004
Bahan	RM 1.55 seunit	RM 1.65 seunit
Buruh	RM 1.80 seunit	RM 1.90 seunit
Overhed berubah	RM 0.65 seunit	RM 0.70 seunit
Overhed kilang tetap	RM 12 800	RM 12 000
Belanja jualan dan pentadbiran:		
Berubah	5 % atas nilai jualan	6 % atas nilai jualan
Tetap	RM 14 000	RM 16 000
Harga jualan	RM 7.00 seunit	RM 7.50 seunit

Overhed kilang diserap berasaskan kadar piawai sebanyak RM 0.50 seunit.

Berdasarkan maklumat yang diberi, anda dikehendaki menyediakan Penyata Pendapatan bagi kedua-dua tahun berasaskan:

- a. kaedah kos serapan; dan
- b. kaedah kos marginal.

Apakah perbezaan di antara kedua-dua kaedah ini dan nyatakan kelebihan setiap satu kaedah ini.

(20 markah)

3. Berikut ini adalah data yang telah diperoleh dan Proses 1 dalam Syarikat Alejandro pada bulan Mac 2004:

Kerja dalam proses 1 Mac	20 000 unit dengan kos lama: bahan RM 40 000 100 % siap buruh RM 21 600 60 % siap overhed RM 8 000 40 % siap
Jumlah unit dimasukkan pada bulan Mac	75 000 unit
Jumlah unit disiapkan dan dipindah keluar dari Proses 1 pada bulan Mac	80 000 unit
Kos bahan ditambah pada bulan Mac	RM 150 000
Kos buruh dikenakan pada bulan Mac	RM 132 125
Overhed dikenakan pada bulan Mac	RM 74 100
Kerja dalam proses pada 31 Mac	15 000 unit dengan kos: bahan 100 % siap buruh 50 % siap overhed 40 % siap

Sediakan:

- jadual yang menunjukkan unit-unit yang telah disiapkan pada bulan Mac dengan menggunakan kaedah pengekosan Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD);
- jadual untuk mengira kos seunit bagi setiap jenis kos; dan
- akaun Proses 1.

Nyatakan kelebihan-kelebihan menggunakan kaedah pengekosan ini.

(20 markah)

4. Syarikat Triopoli memproses 2 jenis produk yang dinamakan Trio 1 dan Trio 2. Pengilangan produk ini memerlukan sejenis bahan mentah. Syarikat Triopoli ingin menyediakan bajet-bajet untuk pengeluaran produk-produk tersebut dan juga untuk penggunaan dan belian bahan mentah untuk 3 bulan akan datang.

Anggaran-anggaran berikut telah dibuat:

	Produk Trio 1	Produk Trio 2
Anggaran jualan – bulan:		
Januari	8 000 unit	15 000 unit
Februari	11 000 unit	17 000 unit
Mac	15 000 unit	22 000 unit
April	17 000 unit	24 500 unit
Mei	18 000 unit	28 000 unit
Bahan mentah digunakan untuk setiap unit produk diproses	2 unit	3 unit
Peratusan dari jumlah pengeluaran didapati rosak	5 %	10 %
Inventori bahan mentah dan barang siap dianggarkan pada 1 Januari adalah seperti berikut:		
Untuk bahan mentah: 2 500 unit	550 unit	2 200 unit
Syarikat ingin menyimpan inventori akhir setiap bulan sebanyak:	10 % dari jumlah volum dijual pada bulan yang berikutan.	20 % dari jumlah volum dijual pada bulan yang berikutan.
Syarikat ingin menyimpan inventori bahan mentah pada akhir setiap bulan sebanyak 10 % dari penggunaan bahan pada bulan yang berikutan.		

Sediakan belanjawan-belanjawan berikut untuk 3 bulan dari Januari hingga Mac:

- a. Bajet Pengeluaran Barang Siap
- b. Bajet Penggunaan dan Belian Bahan Mentah

(20 markah)

5. Maklumat berikut adalah tentang kedudukan untung dan rugi Syarikat Jejaya Sakti bagi tahun lepas:

	RM '000	RM '000
Jualan (50 000 unit)		1 000
Bahan langsung	350	
Buruh langsung	200	
Overhed pengeluaran tetap	200	
Overhed pengeluaran berubah	50	
Overhed pentadbiran	180	
Overhed jualan	<u>120</u>	<u>1 100</u>
RUGI		<u>(100)</u>

Dalam mesyuarat lembaga pengarah baru-baru ini, pihak pengurusan telah membincangkan hasil operasi untuk tahun lalu dan pihak pegerusi syarikat telah meminta cadangan anda untuk membaiki keadaan ini. Sebagai seorang jurutera syarikat, anda dikehendaki menilai pilihan-pilihan cadangan berikut dan memberi komen ringkas berdasarkan pengiraan tertentu:

- Membayar komisyen kepada jurujual sebanyak 10% daripada jualan, dengan ini ia akan meningkatkan jualan untuk mencapai titik pulang modal.
- Menurunkan harga jualan sebanyak 10% yang mana dianggarkan akan meningkatkan jualan sebanyak 30%.
- Meningkatkan gaji buruh langsung dan RM 4 kepada RM 5 sejam. Ia akan memberi kesan kepada peningkatan pengeluaran dan jualan sebanyak 20%, tetapi juga akan meningkatkan kos pengiklanan sebanyak RM 50 000.
- Meningkatkan jualan dengan penambahan dalam pengiklanan sebanyak RM 300 000, disertai dengan peningkatan dalam harga sebanyak 20%, serta menetapkan margin keuntungan sebanyak 10%.

(20 markah)

6. Syarikat Pier mengeluarkan 120 000 unit produk yang dinamakan 'Empty' tiap-tiap tahun. Produk ini dijual dalam pasaran tempatan pada harga RM 11.00 seunit. Kos-kos berhubung dengan pengeluaran dan jualan 120 000 unit 'Empty' hadala seperti berikut:

	Kos seunit (RM)	Jumlah kos setahun (RM)
Bahan	1.70	204 000
Buruh	3.60	432 000
Overhed kilang berubah	1.30	156 000
Overhed kilang tetap		72 000
Belanja berubah:		
Komisyen jualan	0.30	36 000
Kos pengangkutan	0.20	24 000
Belanja tetap:		
Gaji		60 000
Sewa		12 000
Insurans		6 000
Lain-lain		4 500

Satu pesanan khas telah diterima daripada seorang pelanggan untuk membekal 25 000 unit 'Empty' pada harga RM 6.80 seunit. Sekiranya pesanan khas ini diterima:

- Komisyen jualan untuk menjual 25 000 unit pesanan khas mi tidak perlu dibayar.
- Kos pengangkutan akan bertambah sebanyak 25 % seunit untuk 25 000 unit tambahan ini.
- Sewa dan gaji akan meningkat sebanyak 20 %.

Berdasarkan maklumat yang diberi, nasihatkan sama ada pesanan ini patut diterima atau ditolak.

(20 markah)

7. Syarikat Pembinaan Selesa sedang menimbangkan untuk membeli sebuah lori tambahan dan meminta bantuan anda untuk memilih satu daripada lori-lori yang ditawarkan. Maklumat berikut adalah berhubung dengan lori-lori yang ditawarkan

	Lori 1 – Vroom (RM)	Lori 2 – Zroom (RM)
Harga belian	150 000	180 000
Nilai skrap pada akhir 5 tahun	30 000	35 000
Kos tetap (tidak termasuk susutnilai: Tahun 1	12 000	10 000
Tahun 2	12 000	11 000
Tahun 3	15 000	11 000
Tahun 4	15 000	14 000
Tahun 5	18 000	14 000
Kos berubah sekilometer	0.50	0.70

Syarikat ini mengenakan caj sebanyak RM 2.00 sekilometer untuk semua jenis pengangkutan yang dibuat.

Jumlah perjalanan yang dijangka akan dibuat untuk tempoh 5 tahun akan datang adalah seperti berikut:

Tahun	(Kilometer)
1	60 000
2	70 000
3	75 000
4	80 000
5	85 000

Kos modal syarikat adalah 10% dan semua penerimaan dan pembayaran diandaikan berlaku pada akhir tahun. Berikut adalah jadual nilai kini untuk RM1.00:

Tahun	10%
1	0.9091
2	0.8264
3	0.7513
4	0.6830
5	0.6209

Berdasarkan maklumat yang diberi, nasihatkan Syarikat Pembinaan Selesa tentang:

- pilihan lori yang patut diberi. Beri justifikasi dan kenyataan yang menyokong keputusan anda; dan
- terangkan kelemahan-kelemahan kaedah penilaian ini untuk menilai pilihan pelaburan yang dibuat.

(20 markah)